

17/08/1997

Usah megah dengan jawatan: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya tidak membangga-banggakan jawatan yang disandang dan menggunakannya sesuka hati.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, semua jawatan itu sebenarnya bertujuan mempermudah pengurusan bagi menjayakan dasar parti untuk negara.

Merasmikan persidangan perwakilan Gerakan ke-26 di ibu pejabat parti itu di sini semalam, Dr Mahathir juga berkata, ahli dan pemimpin BN tidak boleh berpeluk tubuh, bersifat angkuh dan sombong semata-mata kerana gabungan itu sudah berjaya dan menjadi contoh banyak negara membangun.

"Kita tidak boleh terlalu yakin dengan sokongan rakyat kerana ini menyebabkan kita lalai," katanya pada majlis itu yang dihadiri Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, pemimpin tertinggi parti komponen BN dan Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata pemimpin dan anggota BN mestilah merendah diri dan sentiasa mendampingi serta mendengar rintihan rakyat dan cuba membantu menyelesaikannya. "Tanggungjawab ini berat, tetapi kita yang memilih untuk menjadi wakil rakyat, dan oleh itu kita perlu memikul tugas wakil rakyat," katanya.

Menurutnya, rakyat kini lebih bijak dan matang dalam membuat penilaian terhadap sesuatu perkara dan bukan lagi menerima sesuatu atau keadaan begitu saja.

"Jika pemimpin BN dilihat tidak berminat dengan masalah rakyat dan hanya mementingkan kedudukan mereka sama ada dalam parti atau kerajaan, BN akan kehilangan sokongan.

"Oleh itu, pemimpin dan ahli BN hendaklah sentiasa bekerja kuat untuk mendapat sokongan rakyat. Kita juga hendaklah elak bertelagah di antara satu sama lain yang boleh melemahkan parti," katanya.

Dr Mahathir turut mengulangi kenyataannya pada Perhimpunan Agung MIC dua minggu lalu bahawa BN tidak mungkin dapat melayani semua tuntutan kaum tertentu sehingga menimbulkan perasaan tidak puas hati pihak lain.

"Jika pihak yang berkuasa melayani hanya tuntutan daripada kaumnya saja, ia mungkin popular dengan kaumnya tetapi tetap dikecam dan ditolak oleh kaum lain, sedangkan kita tahu, dalam pilihan raya kita perlu undi daripada semua kaum untuk mendapat kemenangan," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, secara rasionalnya semua kaum sudah memperoleh faedah hasil pembangunan ekonomi negara.

"Tidak ada kaum yang diketepikan," katanya sambil memberi contoh projek penswataan turut dinikmati semua kaum kerana selain usahawan terbabit, pekerjaannya serta rakyat biasa juga berpeluang untuk membeli saham syarikat yang diswastakan itu.

Dalam menghadapi era teknologi maklumat pula, Dr Mahathir meminta parti komponen BN turut membantu menyedarkan rakyat mengenai perubahan yang akan berlaku bagi mengelak kejutan besar.

"Parti komponen BN boleh membantu menyedarkan rakyat mengenai perubahan yang akan datang dan membantu membuat persiapan untuk menghadapinya supaya negara terus maju.

"Saya yakin jika rakyat bersama-sama kerajaan dan memberi sokongan penuh terhadap semua usaha membawa Malaysia dengan jayanya ke abad akan datang, negara akan terus mencapai kejayaan," katanya.

(END)

